



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 59
No. 17

17hb Ogos 2006

*TAMBAHAN No. 13
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 22.

**ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI SELANGOR) 2003**

**KAEDAH-KAEDAH TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(Fi, ELAUN DAN Kos) 2006**

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Fi mahkamah
3. Skala kos
4. Skala elaun
5. Kos tetap
6. Pengecualian

JADUAL

ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI SELANGOR) 2003

KAEDAH-KAEDAH TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(FI, ELAUN DAN KOS) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 247(1)(b) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 [Enakmen No. 4 tahun 2003], Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun dan Kos) 2006**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2006.

Fi mahkamah

2. Fi mahkamah hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Skala kos

3. Skala kos hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Skala Elaun

4. Skala elaun hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Kos tetap

5. Kos tetap hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Pengecualian

6. (1) Tiada fi boleh dikenakan berkeenaan dengan apa-apa kes yang dikendalikan oleh pegawai Biro Bantuan Guaman atau panel peguamnya dan kes-kes dengan perakuan Ketua Pendaftar.

(2) Bagi maksud subkaedah (1) kes-kes dengan perakuan Ketua Pendaftar bermakna kes-kes yang dikendalikan oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia atau mana-mana orang yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Kaedah-Kaedah ini.

JADUAL PERTAMA

(kaedah 2)

FI MAHKAMAH

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	Saman, dsb.				
1.	Apabila memeteraikan saman untuk memulakan tindakan atau memfailkan tuntutan balas, jika—				
	(a) tuntutan adalah untuk sejumlah wang yang tidak melebihi RM100,000.00;	25.00			
	(b) tuntutan adalah untuk sejumlah wang yang melebihi RM100,000.00		50.00		
2.	Apabila memeteraikan permohonan untuk memulakan tindakan	20.00	40.00		
3.	Apabila memeteraikan saman serentak atau saman diperbaharui atau permohonan serentak atau permohonan diperbaharui	5.00	10.00		
4.	Apabila memeteraikan saman berpinda atau permohonan berpinda	5.00	10.00		
5.	Apabila menanda pembaharuan apa-apa saman atau permohonan atau pliding berpinda	5.00	10.00		
6.	Apabila memfailkan wakalah bagi setiap orang	5.00	10.00		
7.	Apabila memeteraikan notis permohonan interlokutori	10.00	20.00		
8.	Apabila memohon penyampaian proses atau notisnya di luar bidang kuasa	20.00	20.00		
	Perintah, dsb.				

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
9.	Apabila memeteraikan sepina, bagi setiap saksi	4.00	4.00		
10.	Apabila memeteraikan sepina yang dikeluarkan kurang daripada 3 hari sebelum percabaran sesuatu tindakan bagi setiap orang saksi	10.00	10.00		
11.	Apabila memeteraikan tiap-tiap perintah pelaksanaan, pengkomitan, penangkapan, notis hiwalah atau penahanan harta	10.00	20.00		
12.	Apabila mencatatkan atau memeteraikan apa-apa perintah yang dibuat dalam Kamar	10.00	20.00		
13.	Apabila mencatatkan atau memeteraikan penghakiman atau perintah yang diberikan, diarahkan atau dibuat dalam percabaran, pendengaran atau pertimbangan lanjut sesuatu kausa atau perkara dalam Mahkamah	25.00	50.00	50.00	
14.	Apabila memeteraikan apa-apa penghakiman atau perintah lain di mana tiada fi diperuntukkan dengan khususnya	10.00	20.00	20.00	
	Rayuan				
15.	Apabila memfailkan notis rayuan daripada Pendaftar kepada Hakim dalam Kamar	10.00	10.00		
16.	Apabila memfailkan notis rayuan atau notis rayuan balas kepada Mahkamah Tinggi Syariah	50.00			
17.	Apabila memfailkan permohonan kebenaran untuk melanjutkan tempoh rayuan daripada Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah		20.00		
18.	Apabila memfailkan permohonan kebenaran merayu dan/atau kebenaran untuk melanjutkan tempoh			50.00	

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	rayuan daripada Mahkamah Tinggi Syariah kepada Mahkamah Rayuan Syariah				
19.	Apabila memfailkan notis rayuan daripada Mahkamah Tinggi Syariah kepada Mahkamah Rayuan Syariah		100		
20.	Apa-apa permohonan interlokutori sementara menanti rayuan di—				
	(a) Mahkamah Tinggi Syariah; dan		20.00		
	(b) Mahkamah Rayuan Syariah			40.00	
	Salinan Dokumen				
21.	Apabila membuat salinan dan menandakannya sebagai salinan diperakui bagi setiap folio	2.00	2.00		
22.	Bagi tiap-tiap salinan kedua atau berikutnya jika salinan karbon atau melalui proses penduaan, bagi tiap-tiap folio	0.50	1.00		
23.	Untuk memeriksa salinan bersih dan menandakannya sebagai salinan diperakui:				
	(a) dalam hal salinan fotografik atau zeroks bagi setiap lembaran	1.00	1.00		
	(b) dalam apa-apa hal lain bagi setiap folio	1.00	1.00		
24.	Atas permohonan supaya dibenarkan menyalinkan apa-apa dokumen yang difailkan atau diserahkan dalam Mahkamah, bagi setiap muka surat	1.00	1.00		
	Terjemahan				
25.	Atas penyemakan, pembedaan dan pemerakuan terjemahan yang tidak dibuat oleh jurubahasa Mahkamah	5.00 ditambah RM1.00 untuk setiap folio	5.00 ditambah RM1.00 untuk setiap folio		
	Pejabat Bendahari Negeri				
26.	Atas perakuan tentang amaun atas transkrip tentang akaun	4.00	4.00		

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	bagi apa-apa wang, kumpulan wang atau sekuriti termasuk permintaan mengenainya				
27.	Atas pembayaran, penyerahsimpanan, pemindahan atau pendepositan wang kumpulan wang atau sekuriti dalam Mahkamah.	4.00	4.00		
28.	Atas permintaan kepada Bendahari Negeri untuk mendapatkan maklumat secara bertulis berkenaan dengan apa-apa wang, kumpulan wang atau sekuriti dalam Mahkamah atau apa-apa transaksi dalam pejabatnya	4.00	4.00		
	Penetapan Kos				
29.	Apabila menetapkan bil kos, jika—				
	(a) amaun yang diperintahkan tidak melebihi RM1,000.00; dan	4.00	4.00		
	(b) amaun yang perintahkan melebihi RM1,000.00 bagi tiap-tiap RM1,000.00 tambahan yang dibenarkan atau pecahannya	2.00	2.00		
30.	Atas perakuan atau alokatur mengenai keputusan penetapan itu	4.00	4.00		
	Pelbagai				
31.	Apabila memfailkan apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan dalam Jadual ini	4.00	4.00		
32.	Atas apa-apa carian, termasuk pemeriksaan, bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya	4.00	4.00		
33.	Atas permohonan bagi pengemukaan rekod atau dokumen yang hendak diberikan sebagai keterangan—				
	(a) jika rekod atau dokumen itu ditinggalkan di Mahkamah	4.00	4.00		
	(b) jika seorang dikehendaki	20.00	40.00		

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	mengemukakan rekod atau dokumen itu di Mahkamah				
34.	Permohonan dengan kehadiran seorang pegawai Mahkamah sebagai saksi bagi setiap setengah hari atau sebahagian daripadanya	20.00	40.00		
35.	Apabila menfailkan affidavit atau affidavit tambahan, bagi setiap orang yang membuatnya	3.00	3.00		
36.	Dan bagi setiap eksibit yang dikehendaki ditandakan	1.00	1.00		
37.	Apabila memperakui cabutan apa-apa dokumen, yang bukannya suatu penghakiman atau perintah, di mana tiada fi ditetapkan dalam Jadual ini	2.00	2.00		
	Penyampaian Dan Pelaksanaan				
38. (a)	Bagi setiap percubaan untuk menyampaikan kepada setiap orang akan apa-apa proses atau prosiding yang dikehendaki disampaikan oleh Mahkamah; dan	2.00	2.00		
	(b) jika lebih daripada 3 kilometer dari Mahkamah bagi tiap-tiap kilometer tambahan	2.00	2.00		
39.	Bagi melaksanakan tiap-tiap perintah pelaksanaan, perintah pengkomitan, penangkapan atau penahanan harta	10.00	10.00		
40.	Untuk melepaskan harta yang disita mengikut arahan pihak yang mengeluarkan perintah pelaksanaan, penahanan, penangkapan atau penahanan harta	5.00	5.00		
41.	Bayaran Perkhidmatan sebanyak 5 peratus akan dikenakan ke atas RM1,000.00 yang pertama dan 3 peratus ke atas semua jumlah wang yang selebih daripada itu apabila dilevikan dengan cara penyitaan dan penjualan atau				Hendaklah dipotong oleh Pendaftar

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	yang jumlah wang itu hendaklah termasuk bayaran perkhidmatan pelelong				
42.	Bayaran Perkhidmatan sebanyak 2 peratus akan dikenakan ke atas semua wang diterima oleh Pendaftar di bawah notis hiwalah				Hendaklah dipotong oleh Pendaftar
43.	Bayaran Perkhidmatan sebanyak 1 peratus akan dikenakan ke atas semua wang yang diterima oleh Pendaftar sebagai penjelasan perintah penyitaan dan penjualan atau jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan				Hendaklah dipotong oleh Pendaftar
44.	Bayaran Perkhidmatan sebanyak 1 peratus akan dikenakan ke atas anggaran nilai harta yang disita atau amaun yang dinyatakan dalam perintah itu mengikut mana yang kurang jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan				Hendaklah dipotong oleh Pendaftar
45.	Bagi setiap seorang yang perlu ditugaskan untuk menjaga apa-apa harta di bawah penyitaan	Kos Sebenar	Kos Sebenar		Hendaklah dibayar secara tunai kepada Pendaftar atau terus mengikut baucer yang diperakui oleh Pendaftar
46.	Untuk mengalihkan barangan atau binatang ke suatu tempat untuk simpanan selamat dan makanan yang diberikan	Kos Sebenar	Kos Sebenar		Hendaklah dibayar secara tunai kepada Pendaftar atau terus mengikut baucer yang diperakui

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
					oleh Pendaftar
47.	Untuk mengiklankan dan memberi hebahan tentang penjualan dengan cara lelong	Kos Sebenar	Kos Sebenar		Hendaklah dibayar secara tunai kepada Pendaftar atau terus mengikut baucer yang diperakui oleh Pendaftar
Nota—					
<p>Dalam tiap-tiap kes di mana pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan, fi itu hendaklah dibayar oleh orang di atas permintaannya penjualan itu diberhentikan dan amaun apa-apa kos atau caj yang kena bayar di bawah Jadual ini hendaklah ditetapkan oleh Hakim, sekiranya Pendaftar dan pihak yang bertanggungjawab membayar kos dan caj itu tidak bersetuju dengan amaun itu</p>					
48.	Permintaan bagi pembayaran keluar daripada wang yang dibayar masuk ke dalam Mahkamah mengikut perintah ansuran jika wang itu melebihi RM1,000.00 kecuali bagi bayaran nafkah anak dan isteri	2 peratus daripada jumlah wang yang dibayar keluar	2 peratus daripada jumlah wang yang dibayar keluar		Permintaan

JADUAL KEDUA

(kaedah 3)

SKALA KOS

BAHAGIAN I

PERMULAAN, DSB, PROSIDING

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
1.	Menyediakan, mengeluarkan, memfailkan dan menyampaikan	30.00	40.00	40.00	

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	kepada satu pihak, saman atau permohonan				
2.	Mengeluarkan dan menyampaikan kepada satu pihak saman serentak atau permohonan serentak	4.00	6.00	6.00	
3.	Memperbaharui saman termasuk menyediakan dan memfailkan permohonan dan affidavit, menghadiri semasa permohonan untuk pembaharuan dan mendapatkan perintah	25.00	30.00	30.00	
4.	Menyediakan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak pembelaan atau pliding lain	30.00	40.00	40.00	
5.	Menyediakan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak butir-butir pliding dan menyediakan dan menyampaikan kepada satu pihak, permintaan mendapatkan butir-butir sedemikian	15.00	15.00	15.00	
6.	Menyediakan pindaan kepada dokumen yang disebut dalam butiran 1 atau 4, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak, dokumen terpinda	10.00	15.00	15.00	
7.	Menyediakan, mengeluarkan dan memfailkan apa-apa dokumen, menghadiri semasa apa-apa kerja lain yang perlu untuk mendapatkan—	25.00	30.00	30.00	
	(a) perintah untuk penyampaian ganti bagi apa-apa dokumen; atau				
	(b) perintah memberikan kebenaran untuk menyampaikan apa-apa dokumen di luar bidang kuasa,				

dan mendapatkan perintah

BAHAGIAN II

PROSIDING DALAM KAMAR

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
8.	Menyediakan, mengeluarkan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak, notis—				
	(a) untuk meneruskan di bawah sesuatu penghakiman atau perintah;	10.00	20.00	20.00	
	(b) untuk melanjutkan masa	10.00	20.00	20.00	
9.	Menyediakan, mengeluarkan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak, notis untuk hadir di Kamar (selain notis yang disebut dalam butiran 8)	4.00	6.00	6.00	
10.	Menghadiri untuk mendapatkan temu janji bagi pendengaran di hadapan Hakim atau Pendaftar	4.00	6.00	6.00	
11.	Menghadiri dan menghantarserahkan kertas yang dikehendaki bagi kegunaan Hakim atau Pendaftar dalam Kamar	4.00	6.00	6.00	
12.	Menghadiri pendengaran permohonan dalam Kamar—				
	(a) jika secara ex parte atau dengan persetujuan atau atas penanguhan tanpa pendengaran; atau	10.00	20.00	20.00	
	(b) dalam apa-apa hal lain	20.00	40.00	40.00	
13.	Menghadiri untuk menyelesaikan draf atau minit bagi apa-apa penghakiman atau perintah	10.00	10.00	20.00	
14.	Menghadiri untuk menyediakan dan mencatatkan apa-apa	4.00	6.00	6.00	

perintah, jika butiran 13
tidak terpakai

BAHAGIAN III

PENZAHIRAN DAN PEMERIKSAAN

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
15.	Menyediakan, memfailkan dan menyampaikan—				
	(a) affidavit dokumen atau senarai dokumen;	10.00	20.00	20.00	
	(b) interogatori untuk pemeriksaan oleh sesuatu pihak; dan	10.00	20.00	20.00	
	(c) affidavit jawapan kepada interogatori termasuk, apabila sesuai, deponen yang hadir	10.00	20.00	20.00	
	untuk mengangkat sumpah dan salinan untuk penyampaian				
16.	Menghadiri untuk memeriksa, atau mengemukakan bagi pemeriksaan, dokumen yang pengemukakannya bagi pemeriksaan adalah dikehendaki menurut perintah Mahkamah atau menurut kuasa mana-mana peruntukkan Bahagian XI Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003				
	Bagi jam pertama atau sebahagian daripada sejam;	10.00	20.00	20.00	
	Bagi setiap setengah jam berikutnya atau sebahagian daripadanya	5.00	10.00	10.00	

BAHAGIAN IV

PENYEDIAAN BAGI PERBICARAAN ATAU PENDENGARAN, SAMA ADA DALAM MAHKAMAH TERBUKA ATAU SELAINNYA

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
17.	Menyediakan dan mengeluarkan sepina—				

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	(a) untuk hadir di Mahkamah bagi orang saksi;				
	(b) untuk mengemukakan dokumen, bagi setiap orang saksi;	4.00	5.00	5.00	
	(c) untuk mengemukakan dokumen dan memberi keterangan,	4.00	5.00	5.00	
	termasuk memfailkan permintaan, menghadiri untuk mendapatkan sepina dan salinan untuk penyampaian				
18.	Menyediakan dan menyampaikan notis—				
	(a) untuk mengemukakan bagi pemeriksaan dokumen yang disebut dalam pliding atau affidavit;	4.00	5.00	5.00	
	(b) untuk mengemukakan dokumen di perbicaraan atau pendengaran;	4.00	5.00	5.00	
	(c) untuk mengakui apa-apa dokumen atau fakta	4.00	5.00	5.00	
19.	Arahan bagi perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara tidak kira bagaimana cara perbicaraan atau pendengaran	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	

Nota kepada butiran 19—

Butiran ini bermaksud untuk meliputi perlakuan apa-apa kerja yang diperuntukkan selainnya, yang dilakukan dengan seperlunya atau sepatutnya, dalam penyediaan sesuatu perbicaraan atau pendengaran atau sebelum penyelesaian perkara-perkara yang dipertikaikan, termasuk—

- (a) mengambil arahan-arahan untuk mendakwa, membela, menuntut balas atau merayu atau apa-apa pliding, butir pliding, affidavit;
- (b) menimbangkan fakta dan undang-undang;
- (c) melayani dan surat-menyurat dengan anak guam;
- (d) menemu duga dan surat-menyurat dengan saksi dan bakal saksi dan mengambil bukti dari keterangan mereka;
- (e) mengatur untuk mendapatkan laporan atau nasihat daripada pakar dan pelan, gambar dan model;
- (f) membuat carian di Pejabat Kerajaan dan di tempat lain untuk dokumen yang

- relevan;
- (g) memeriksa apa-apa harta atau tempat yang material kepada prosiding;
- (h) meneliti pliding, affidavit dan dokumen lain yang relevan;
- (i) jika kausa atau perkara itu tidak diteruskan ke perbicaraan atau pendengaran, kerja yang dilakukan berkaitan dengan rundingan untuk sesuatu penyelesaian; dan
- (j) jagaan dan perjalanan am prosiding.
20. Menghadiri untuk mendapatkan temujanji bagi memeriksa saksi dan atas pemeriksaan saksi
- | | | |
|---------|---------|---------|
| 20.00 | 30.00 | 30.00 |
| seorang | seorang | seorang |

BAHAGIAN V

PERBICARAAN ATAU PENDENGARAN

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
21.	Menghadiri dalam Mahkamah terbuka bagi maksud—				
(a)	apa-apa permohonan yang berhubungan dengan atau berbangkit atas perbicaraan atau pendengaran sesuatu kausa atau perkara;	50.00 sehari	75.00 sehari	75.00 sehari	
(b)	perbicaraan atau pendengaran sesuatu kausa atau perkara bagi setiap hari;	100.00	150.00	150.00	
(c)	pendengaran penghakiman tertangguh	25.00	30.00	30.00	
22.	Menghadiri untuk mendapatkan perakuan Pendaftar, dan menghadiri untuk mencatatkan atau mendapatkan penghakiman	10.00	15.00	15.00	

BAHAGIAN VI

PENETAPAN

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
23.	Menyediakan bil kos dan notis penetapan (termasuk salinan untuk Hakim) sefolio	2.00	3.00	3.00	

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
24.	Mendapatkan temu janji bagi penetapan	4.00	5.00	5.00	
25.	Menghadiri penetapan, menyiapkan bil kos, mengemukakan baucar bagi perbelanjaan dan menghadiri untuk mendapatkan perakuan atau Perintah Hakim atau Pendaftar	25.00	30.00	30.00	
26.	Menyediakan bantahan terhadap keputusan Hakim pada penetapan atau jawapan terhadap bantahan, termasuk salinan-salinan untuk penyampaian dan pemfailan menghantarserahkan kepada satu pihak akan bantahan atau jawapan sedemikian dan menghadiri pendengaran kajian semula oleh Hakim atau Pendaftar	25.00	30.00	30.00	

BAHAGIAN VII

PELAKSANAAN

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
27.	Menyediakan dan menghadiri untuk mendapatkan pengeluaran perintah pelaksanaan atau perintah lain untuk menguatkuasakan apa-apa penghakiman atau perintah Salinan-salinan perlu bagi mana-mana perintah sedemikian hendaklah dibenarkan	5.00	7.00	7.00	
28.	Memperbaharui perintah pelaksanaan termasuk menyediakan dan memfailkan permohonan dan affidavit, menghadiri semasa permohonan untuk pembaharuan dan	25.00	30.00	30.00	

mendapatkan perintah

BAHAGIAN VIII

AM DAN PELBAGAI

Kehadiran

No.	Butiran	Kehadiran			Catatan
		Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	
29.	Untuk mendapatkan—				
	(a) persetujuan seseorang untuk bertindak sebagai sahabat wakil atau penjaga ad litem dan persetujuan atau kelulusan daripada mana-mana pihak lain yang berkepentingan;	10.00	15.00	15.00	
	(b) apa-apa persetujuan lain	4.00	5.00	5.00	
	Nota kepada Butiran 29—				
	Butiran ini termasuklah menyediakan borang persetujuan atau persetujuan kelulusan				
30.	Untuk memberi persetujuan	4.00	5.00	5.00	
31.	Jika kehadiran untuk lebih daripada seorang bagi setiap orang tambahan	2.00	3.00	3.00	
32.	Memfail apa-apa dokumen perlu di Pejabat Pendaftaran	4.00	5.00	5.00	
33.	Membuat carian afidavit di Pejabat Pendaftaran	4.00	5.00	5.00	
34.	Mencatatkan perintah meminda rekod dengan membatalkan atau menambah satu pihak atau menyatukan kausa atau perkara	4.00	5.00	5.00	
35.	Apa-apa afidavit yang diikrarkan di hadapan Hakim atau Pendaftar	4.00	5.00	5.00	
36.	Untuk mendapatkan sijil kelahiran, mati, nikah, cerai atau rujuk atau dokumen rasmi lain daripada jabatan lain	4.00	5.00	5.00	

Nota kepada butiran 36—

Untuk dua atau lebih sijil yang didapati di tempat yang sama dan pada waktu yang

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	sama, bayaran kos yang dikenakan adalah sekali sahaja				
37.	Kehadiran lain yang patut dan perlu yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain Kehadiran dll. di Pejabat Akauntan Negeri atau Pejabat Pendaftar.	4.00	5.00	5.00	
38.	Menyediakan dan mengemukakan dokumen yang dikehendaki untuk membenarkan pembayaran daripada wang yang diserahkan dalam Mahkamah dan untuk menerima bayaran	10.00	15.00	15.00	
39.	Menyerah simpanan sekuriti ke dalam Mahkamah atau mendapatkan pemindahan sekuriti ke dalam atau daripada Mahkamah	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
	Nota butiran 39— Butiran ini termasuklah segala kehadiran yang dikehendaki berkaitan dengan penyerahsimpanan atau pemindahan dan penyediaan apa-apa dokumen yang dikehendaki sedemikian				
40.	Mendapatkan perakuan atau mentarikhkan semula perakuan bagi kumpulan wang dalam Mahkamah Atau jika lebih daripada satu perakuan didapatkan atau ditarikhkan semula pada masa yang sama	5.00	7.00	7.00	
41.	Untuk mendapatkan transkrip akaun Menyediakan Dokumen	5.00	7.00	7.00	
42.	Afidavit Penyampaian Nota kepada Butiran 42— Butiran ini termasuklah meneliti afidavit dalam bentuk	5.00	10.00	10.00	

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	undang-undang, menghadiri untuk ia diikrar dan memfailkannya				
43.	Afidavit selain afidavit penyampaian atau afidavit di bawah butiran 15 untuk sefolio	2.00	3.00	3.00	
44.	Penyediaan bagi penandaan ekshibit kepada afidavit, untuk setiap ekshibit	1.00	2.00	2.00	
45.	Iklan yang hendaklah ditandatangani oleh Pendaftar, folio pertama	5.00	7.00	7.00	
	Dan sefolio selepas itu	2.00	4.00	4.00	
	Nota kepada Butiran 45—				
	Butiran ini termasuklah kehadiran di Kamar untuk mendapatkan tandatangan				
46.	Minit perintah, akaun, pernyataan dan dokumen lain yang dikehendaki untuk kegunaan dalam Mahkamah atau Kamar sefolio	1.00	2.00	2.00	
	Notis, dsb.				
47.	Apa-apa notis tidak diperuntukkan selainnya untuk penyampaian atau apa-apa permintaan				
	Salinan, dsb.				
48.	Salinan bagi dokumen yang tidak diperuntukkan selainnya—				
	(a) salinan bertaip, selain daripada salinan karbon atau salinan bertulis sefolio;	1.00	2.00	2.00	
	(b) salinan bercetak atau karbon, sefolio;	1.00	2.00	2.00	
	(c) salinan fotografik	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
49.	Memeriksa pruf cetak,	1.00	2.00	2.00	

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	sefolio				
	Surat, dsb.				
50.	Surat yang tidak termasuk di bawah mana-mana butiran lain	2.00	4.00	4.00	
51.	Surat, mesej dan panggilan telefon yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
	Penelitian				
52.	Meneliti apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain, sefolio	1.00	2.00	2.00	
	Penyampaian				
53.	Jika lebih daripada satu kehadiran diperlukan untuk melaksanakan penyampaian atau penghantaran kepada satu pihak akan dokumen yang disebutkan dalam Bahagian I Jadual ini atau di dalam butiran 8, 9 atau 26 baginya, atau jika penyampaian dilaksanakan dalam bidang kuasa selain dengan kehadiran sendiri atau melalui pos atau dilaksanakan di luar bidang kuasa	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
54.	Jika dokumen yang disebutkan dalam Bahagian I Jadual ini atau dokumen dalam butiran 8, 9 atau 26 baginya dikehendaki disampaikan atau dihantarserahkan kepada lebih daripada seorang atau di mana penyampaian atau penghantarserahan kepada setiap orang tambahan—				
	(a) jika dikehendaki disampaikan ke diri atau dengan dihantarserahkan	5.00	7.00	7.00	
	(b) jika penyampaian	2.00	3.00	3.00	

No.	Butiran	Mahkamah Rendah Syariah (RM)	Mahkamah Tinggi Syariah (RM)	Mahkamah Rayuan Syariah (RM)	Catatan
	melalui pos dibenarkan				
55.	Penyampaian atau penghantarserahan apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain—				
(a)	jika dikehendaki disampaikan ke diri atau dengan dihantarserahkan	5.00	7.00	7.00	
(b)	jika penyampaian melalui pos dibenarkan	2.00	3.00	3.00	

BAHAGIAN IX

AM

Kos menurut budi bicara

1. (1) Jika dalam peruntukan yang tersebut di atas dalam Jadual ini ada dicatatkan perkataan “Menurut budi bicara”, maka amaun kos yang hendak dibenarkan berkenaan dengan butiran tersebut hendaklah, tertakluk kepada apa-apa perintah Mahkamah yang menentukan kos yang hendak dibenarkan, mengikut budi bicara Hakim atau Pendaftar.

(2) Dalam menjalankan budi bicaranya di bawah perenggan ini, Hakim atau Pendaftar hendaklah memberi perhatian kepada semua hal keadaan yang relevan, dan khususnya kepada—

- (a) kerumitan butiran itu atau kausa atau perkara yang di dalamnya ia berbangkit dan kesulitan atau keabahruan isu-isu yang terlibat;
- (b) kemahiran, pengetahuan khusus dan tanggungjawab yang dikehendaki daripada, masa dan usaha yang dihabiskan oleh, peguam syarie;
- (c) bilangan dan kepentingan dokumen (tidak kira bagaimanapun ringkasnya) yang disediakan atau diteliti;
- (d) tempat dan hal keadaan yang di dalamnya urusan yang terlibat itu dilakukan;
- (e) kepentingan kausa atau perkara itu kepada anak guam;
- (f) jika wang atau harta terlibat, amaun atau nilainya; dan
- (g) apa-apa fi dan elaun lain yang kena dibayar kepada peguam syarie berkenaan dengan butiran lain dalam kausa atau perkara yang sama, tetapi hanya jika kerja yang dilakukan berhubungan dengan butiran itu telah mengurangkan kerja yang kalau tidak kerananya itu diperlukan berhubungan dengan butiran yang berkenaan.

Kehadiran di Kamar

2. (1) Peruntukan berikut dalam perenggan ini terpakai berhubungan dengan tiap-tiap pendengaran dalam Kamar.

(2) Di dalam suatu penetapan kos, hanya kos yang telah dibenarkan oleh Mahkamah ditentukan di pendengaran dan semasa penentuan kos Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara yang disebut dalam perenggan 1(2) Bahagian ini dalam Jadual ini.

(3) Semasa di dalam pendengaran kes sekiranya Mahkamah memperakukan bahawa sesuatu prosiding telah dijalankan dengan segera dan usaha dan kemahiran istimewa seseorang peguam dalam penyediaan untuk perbicaraan diterima, maka Hakim atau Pendaftar dalam menetapkan kos harus mengambil kira perakuan tersebut.

Kehadiran di hadapan Pendaftar

3. Atas apa-apa kehadiran di hadapan Pendaftar bagi maksud menyelesaikan terma-terma dan memberi apa-apa perintah atau penghakiman, jika ternyata kepada Pendaftar bahawa kehadiran itu adalah suatu keadaan yang khas atau kepanjangan atau kesukaran yang luar biasa, maka dia boleh, jika diminta berbuat demikian oleh mana-mana pihak, mengeluarkan suatu perakuan bagi maksud tersebut, Hakim dalam menetapkan kos yang hendak dibenarkan bagi kehadiran itu hendaklah mengambil kira perakuan tersebut.

Salinan dokumen

4. (1) Maka hendaklah dibenarkan, bagi pencetakan salinan apa-apa dokumen bercetak, amaun yang sepatutnya dibayar kepada pencetak, dan jika mana-mana bahagian daripada sesuatu dokumen dicetak dengan sepatutnya dalam suatu bahasa asing atau sebahagian suatu faksimili atau mengikut apa-apa cara yang luar biasa atau khas, atau jika apa-apa perubahan menjadi perlu selepas pruf pertama bagi dokumen itu, maka hendaklah dibenarkan suatu amaun sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Hakim atau Pendaftar, dan amaun tersebut hendaklah termasuk apa-apa kehadiran di hadapan percetakan.

(2) Peguam syarie yang berhak mengambil salinan-salinan bercetak bagi apa-apa dokumen hendaklah dibenarkan amaun yang dibayarnya bagi semua bilangan salinan sebagaimana yang diperlukan atau sepatutnya diambil olehnya.

(3) Elaun untuk salinan bercetak bagi dokumen di bawah butiran 48 Jadual ini hendaklah dibuat sebagai tambahan kepada elaun di bawah peruntukan yang tersebut di atas dalam perenggan ini, dan hendaklah, tertakluk kepada subperenggan (4), dibuat bagi apa-apa salinan bercetak sebagaimana yang perlu atau patut bagi—

- (a) apa-apa pliding, untuk penyampaian kepada pihak lawan;
- (b) apa-apa kes khas, untuk pemfailan;
- (c) apa-apa pliding atau kes khas, untuk kegunaan Mahkamah;
- (d) apa-apa affidavit, untuk pengakusaksian dalam cetakan;
- (e) apa-apa pliding, kes atau keterangan khas untuk digunakan di Mahkamah; atau
- (f) apa-apa dokumen lain yang seperlunya dan sepatutnya disalin dan tidak diperuntukkan selainnya.

(4) Elaun di bawah butiran 48 Jadual ini tidaklah boleh dibuat berhubungan dengan salinan bercetak bagi dokumen untuk kegunaan Mahkamah atau peguam jika salinan bertulis telah dibuat sebelum pencetakan, dan tidaklah boleh dibuat lebih daripada sekali dalam kausa atau perkara yang sama.

(5) Elaun-elaun di bawah Jadual ini untuk menyediakan apa-apa pliding, saman, affidavit atau dokumen lain hendaklah dikira sebagai termasuk elaun untuk menyediakan apa-apa salinan perlu yang dibuat untuk kegunaan peguam syarie dan anakguamnya atau, dalam hal suatu pliding atau

saman, untuk penyampaian.

JADUAL KETIGA

(kaedah 4)

SKALA ELAUN

Golongan Saksi	Jumlah Elaun Sehari (RM)
(a) Golongan Profesional, Pegawai Kerajaan, Pengarah dan Pengurus Pertubuhan Perbadanan dan orang yang bergaji atau berpendapatan melebihi RM3,000.00 sebulan	200.00
(b) Orang yang gaji atau pendapatannya melebihi RM1,000.00 tetapi tidak melebihi RM3,000.00 sebulan	100.00
(c) Mana-mana orang lain	50.00

JADUAL KEEMPAT

(kaedah 5)

KOS TETAP

Nilai Tuntutan atau Tuntutan Balas	Dakwaan (RM)	Belaan (RM)	Kepeguaman (RM)
Tidak melebihi RM 5,000.00	75.00	75.00	250.00
Melebihi RM 5,000.00 tetapi tidak melebihi RM 10,000.00	200.00	200.00	750.00
Melebihi RM 10,000.00 tetapi tidak melebihi RM 15,000.00	325.00	325.00	1,125.00
Melebihi RM 15,000.00 tetapi tidak melebihi RM 20,000.00	450.00	450.00	1,750.00
Melebihi RM 20,000.00 tetapi tidak melebihi RM 25,000.00	550.00	550.00	2,150.00
Melebihi RM 25,000.00 tetapi tidak melebihi RM 30,000.00	650.00	650.00	2,550.00
Melebihi RM30,000.00 tetapi tidak melebihi RM40,000.00	725.00	725.00	2,850.00
Melebihi RM 40,000.00 tetapi tidak melebihi RM 50,000.00	825.00	825.00	3,250.00
Melebihi RM 50,000.00 tetapi tidak melebihi RM 60,000.00	925.00	925.00	3,650.00
Melebihi RM 60,000.00 tetapi tidak melebihi RM 70,000.00	1,025.00	1,025.00	4,050.00
Melebihi RM 70,000.00 tetapi tidak melebihi RM 80,000.00	1,125.00	1,125.00	4,450.00
Melebihi RM 80,000.00 tetapi tidak melebihi RM 90,000.00	1,225.00	1,225.00	4,850.00

Nilai Tuntutan atau Tuntutan Balas	Dakwaan (RM)	Belaan (RM)	Kepeguaman (RM)
Melebihi RM90,000.00 tetapi tidak melebihi RM 100,000.00	1,325.00	1,325.00	5,250.00
Dan bagi setiap tambahan RM10,000.00	tambahan 25.00	tambahan 25.00	tambahan 100.00
Kes-kes yang tidak boleh dinilai dengan wang			Mahkamah Rendah Syariah tidak melebihi RM3,000.00
			Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah tidak melebihi RM5,000.00

Dibuat 10 Ogos 2006

[JAKESS 100-25/2/18 Jld. 2; P.U. Sel. AGM 007]

DATO' HAJI JOHDI BIN HAJI TOHA
Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor

DATO HAJI MUHAMAD ASRI BIN HAJI ABDULLAH
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Negeri Selangor

DATIN PADUKA HAJAH BADARIAH BINTI HASSAN
Penasihat Undang-Undang
Negeri Selangor

TUAN HAJI SAARANI BIN ISMAIL
Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Negeri Selangor

TUAN ABU BAKAR BIN MOHD DAUD
Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Negeri Selangor

TUAN HAJI ZAINUL RIJAL BIN HAJI ABU BAKAR
Peguam Syarie Negeri Selangor

PUAN ZURAI DAH BINTI AYOB
Pegawai Syariah Bantuan Guaman

PUAN NOOR HADINA BINTI AHMAD ZABIDI
Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah
Negeri Selangor

SYARIAH COURT CIVIL PROCEDURE
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

SYARIAH COURT CIVIL PROCEDURE
(FEES, ALLOWANCES AND COSTS) RULES 2006

